

ASNBNB Wakaf

Laporan Tahunan
2025



Isi Kandungan

Muka surat

ASNB Wakalah Sdn. Bhd.

03

- Maklumat Korporat
- Pengenalan ASNB Wakalah
- Perutusan Pengerusi
- Ahli Lembaga Pengarah
- Ahli Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP
- Struktur Organisasi

Wakaf ASNB

11

- Pengenalan
- Konsep
- Kaedah Pengurusan
- Kelebihan
- Terma dan Syarat
- Saluran

Pencapaian 2025

18

- Prestasi Wakaf ASNB

Dana Manfaat Wakaf

21

- Tentang Dana Manfaat Wakaf
- Pengurusan Agihan Dana Manfaat Wakaf
- Pengagihan Dana Manfaat Wakaf
- Agihan Manfaat Wakaf
- Pengagihan Dana Manfaat Wakaf Mengikut Sektor:
 - Sektor Pendidikan
 - Sektor Pemerkasaan Komuniti
 - Sektor Kesihatan
 - Sektor Misi Kemanusiaan

Aktiviti Wakaf ASNB

42

Penyata Pengurus dan Penyata Kewangan Beraudit bagi Dana Manfaat Wakaf ASNB

48

ASNB Wakalah Sdn. Bhd.





Maklumat Korporat

Nama Syarikat	ASNB Wakalah Sdn. Bhd. (ASNB Wakalah)
Pengiktirafan Mutawalli	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
No. Pendaftaran Syarikat	ASNB Wakalah Sdn. Bhd. 20212002976 (1403274-P) Amanah Saham Nasional Berhad 197901003200 (47457-V)
Alamat Berdaftar	Tingkat 91, Menara Merdeka 118, Presint Merdeka 118, 50118 Kuala Lumpur W.P. Kuala Lumpur
Tarikh Penubuhan	25 Januari 2021
Juruaudit Bebas Penyata Kewangan	AKH & Partners PLT
Tugas Utama	Bertanggungjawab untuk mengumpulkan unit amanah ASNB yang diwakafkan dan melaksanakan pengagihan Dana Manfaat Wakaf kepada pihak yang layak melalui proses saringan dan memastikan dana wakaf ditadbir urus dengan telus dan efektif melalui usaha sama bersama pihak MAIWP.

Pengenalan ASNB Wakalah Sdn. Bhd.

ASNB Wakalah Sdn. Bhd. (ASNB Wakalah) ialah anak syarikat milik penuh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang ditubuhkan pada 25 Januari 2021 untuk mengurus perkhidmatan Wakaf ASNB yang membolehkan pemegang unit melaksanakan amal jariah melalui wakaf unit amanah.

ASNB Wakalah telah menjalin kerjasama strategik dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan diiktiraf sebagai Mutawalli bagi mengumpul, mengurus, dan mengagihkan manfaat wakaf unit amanah yang diwakafkan oleh pemegang unit, selaras dengan prinsip syariah dan tadbir urus yang telus.

Dana wakaf diagihkan kepada empat sektor utama, iaitu pendidikan, pemerkasaan komuniti, kesihatan dan misi kemanusiaan dengan keutamaan diberikan kepada golongan yang memerlukan.

Bagi memastikan ketelusan dan keberkesanan dalam pengagihan Dana Manfaat Wakaf, ASNB Wakalah telah menubuhkan Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP (JPWB). Jawatankuasa ini dianggotai oleh pakar-pakar berwibawa yang berpengalaman luas dalam bidang wakaf dan muamalat. Tanggungjawab utama jawatankuasa ini adalah memberikan nasihat strategik serta meluluskan projek-projek dan penerima Dana Manfaat Wakaf yang dikenal pasti. Jawatankuasa ini juga bertindak sebagai penasihat dalam isu-isu hukum berkaitan kepatuhan syariah, dasar, polisi, serta pengoperasian Dana Manfaat Wakaf.

Projek wakaf yang dicadangkan akan melalui proses saringan ketekunan wajar yang menyeluruh, untuk memastikan pematuhan terhadap piawaian dan keperluan operasi yang ditetapkan. Salah satu keunikan utama perkhidmatan Wakaf ASNB adalah pengagihan Dana Manfaat Wakaf yang terbuka kepada seluruh Malaysia, tanpa terhad kepada mana-mana negeri. Pendekatan ini sejajar dengan model perniagaan Wakaf ASNB, yang memberi peluang kepada semua pemegang unit ASNB di seluruh negara untuk menyumbang kepada golongan yang memerlukan, dengan manfaat yang boleh disalurkan di seluruh Malaysia.

ASNB Wakalah turut menyediakan Laporan Tahunan Wakaf ASNB yang memperincikan aktiviti pengumpulan dan pengagihan Dana Manfaat Wakaf. Melalui usaha ini, ASNB Wakalah kekal komited untuk menyemai nilai keberkatan, memperkukuh tanggungjawab sosial korporat, serta memberi impak positif yang berterusan kepada masyarakat dan pembangunan ummah.

Perutusan Pengerusi

Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin
Pengerusi ASNB Wakalah Sdn. Bhd.



Dengan penuh kesyukuran ke hadrat Ilahi, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan usaha murni Wakaf ASNB sepanjang tahun 2025. Tahun ini menjadi satu lagi pencapaian penting bagi ASNB Wakalah dalam memperkukuh peranannya sebagai pemangkin pembangunan sosioekonomi ummah melalui pelaksanaan inisiatif wakaf yang mampan.

Sejak penubuhannya, ASNB Wakalah kekal komited dalam mengurus dan mentadbir Wakaf ASNB secara telus, berintegriti dan berlandaskan prinsip Syariah. Sepanjang tahun 2025, Wakaf ASNB mencatatkan pertumbuhan yang konsisten dengan jumlah kutipan wakaf sebanyak 21.63 juta unit amanah, disertai pertambahan 6,615 pewakaf baharu dalam kalangan pemegang unit ASNB yang memilih untuk melaksanakan amal jariah melalui pelaburan unit amanah mereka.

Selaras dengan mandat sebagai Mutawalli yang diiktiraf oleh MAIWP, ASNB Wakalah terus menyalurkan manfaat wakaf kepada masyarakat melalui empat sektor utama iaitu pendidikan, pemerkasaan komuniti, kesihatan dan misi kemanusiaan. Sepanjang tahun 2025, sebanyak 77 projek wakaf telah dilaksanakan di seluruh negara dengan jumlah agihan keseluruhan sebanyak RM2.95 juta, merangkumi pelbagai inisiatif sosioekonomi seperti pembinaan “Wakaf Solar Dome Dryer”, pembangunan sistem bekalan air bersih, serta penajaan skim perlindungan perubatan takaful kepada golongan yang memerlukan.

“ASNB Wakalah komited dalam memartabatkan industri wakaf sebagai platform utama bagi kesejahteraan ummah dan memperkukuh ekosistem kewangan sosial Islam.”



**30,312
Pewakaf**

**Jumlah
Pewakaf**



**RM 98.56
Juta**

**Unit Wakaf
Terkumpul**



**RM 5.25
Juta**

**Agihan Dana
Manfaat Wakaf**

Kejayaan ini tidak mungkin direalisasikan tanpa sokongan padu para pewakaf, rakan strategik, pihak berkuasa agama serta masyarakat umum yang sentiasa meletakkan kepercayaan kepada ASNB Wakalah dalam memastikan setiap sumbangan wakaf diurus dan diagihkan secara berkesan serta berterusan. Komitmen ini turut diperkukuhkan melalui peranan ahli Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP (JPWB) yang memastikan setiap agihan dilaksanakan secara telus, berakauntabiliti dan menepati maqasid Syariah.

Menjelang tahun-tahun mendatang, ASNB Wakalah beriltizam untuk terus memperluas capaian Wakaf ASNB agar manfaatnya dapat dinikmati oleh lebih ramai penerima, di samping mempertingkatkan keberkesanan pengagihan bagi memastikan impak yang lebih menyeluruh dan lestari kepada masyarakat.

Akhir kata, saya menyeru agar amalan wakaf terus diperkasakan sebagai amal jariah yang berterusan. Inisiatif ini bukan sahaja akan memberi manfaat kepada masyarakat hari ini, malah meninggalkan legasi keberkatan untuk generasi akan datang.

Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin

Pengerusi ASNB Wakalah Sdn. Bhd.

Ahli Lembaga Pengarah

Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin

Pengerusi, ASNB Wakalah Sdn. Bhd.

Pendidikan:

- Ph.D dalam Perundangan Islam, Universiti Edinburgh, United Kingdom.
- Sarjana Muda dengan Kepujian dalam Fiqh dan Usul al-Fiqh, Universiti Jordan, Jordan.

Kepakaran:

- Syariah
- Pasaran Modal Islam
- Kewangan Islam
- Perbankan dan Takaful



Fadzihan Abbas Mohamed Ramlee

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif, ASNB

Pendidikan:

- Sarjana Kejuruteraan (Kepujian) dalam Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Universiti Nottingham, United Kingdom.

Kepakaran:

- Strategi
- Perumpukan Aset Strategik
- Unit Amanah

Dr. Ahmad Basri Ibrahim

Ketua Pengurusan Syariah, PNB

Pendidikan:

- Ph.D dalam Undang-undang Islam, Universiti Birmingham, United Kingdom.
- Sarjana Fiqh dan Usul Fiqh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Malaysia.
- Sarjana Muda dalam Perundangan Islam, Universiti Jordan, Jordan.

Kepakaran:

- Fiqh dan Usul Fiqh
- Undang-undang Jenayah Islam
- Fiqh Al-Muamalat
- Sistem Politik Islam
- Maksim Perundangan Islam



Ahli Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP

Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin

Pengerusi
ASNB Wakalah Sdn. Bhd.



**Fadzihan Abbas
Mohamed Ramlee**

Ahli Lembaga Pengarah
ASNB Wakalah Sdn. Bhd.



**Dr. Ahmad Basri
Ibrahim**

Ahli Lembaga Pengarah
ASNB Wakalah Sdn. Bhd.



**Dr. Haji Razali
Othman**

Ahli Jawatankuasa
Wakaf (MAIWP)



**Dato' Selamat
Paigo***

Ketua Pengarah
Jabatan Wakaf, Zakat
dan Haji (JAWHAR)

*Tempoh perkhidmatan telah tamat pada 18 September 2025 dan sehingga 31 Disember 2025, jawatan tersebut masih belum diisi kerana menunggu pelantikan baharu



**Mohd Fauzi
Abidin**

Timbalan Ketua
Pegawai Eksekutif
(Pengurusan) MAIWP

Struktur Organisasi



ASNB Wakalah adalah anak syarikat milik penuh ASNB dan merupakan sebahagian daripada Kumpulan PNB. ASNB Wakalah turut disokong melalui perkongsian perkhidmatan syarikat induk dalam operasi harian, pemasaran, tadbir urus dan lain-lain melalui jabatan-jabatan di ASNB dan PNB seperti berikut:

Perakaunan Dana	Kewangan	Produk
Teknologi	Perolehan	Jualan
Pengurusan Syariah	Operasi ASNB	Pemasaran dan Penjenamaan
Asurans Dalaman	Pematuhan dan Integriti	Risiko
Setiausaha Syarikat & Undang-Undang	Banca	Saluran Digital

Wakaf ASNB



Wakaf ASNB

Pengenalan

Wakaf ASNB adalah platform inovatif yang membolehkan pemegang unit untuk mewakafkan pelaburan unit amanah ASNB mereka, melalui gabungan konsep pelaburan dan wakaf. Unit amanah yang diwakafkan oleh pemegang unit akan dipindahkan ke akaun wakaf dan dikekalkan sebagai pelaburan pokok. Hasil pulangan daripada pelaburan tersebut akan disalurkan kepada projek-projek wakaf. Ini bertujuan untuk memastikan dana wakaf tersebut boleh menyalurkan manfaat yang berterusan untuk kepentingan dan kesejahteraan ummah.

Unit amanah ASNB yang disumbangkan oleh pemegang unit akan kekal sebagai pelaburan pokok, dengan hanya pulangan hasil daripada pelaburan tersebut disalurkan kepada projek-projek wakaf yang memberi manfaat kepada pembangunan masyarakat dan ummah. Projek-projek ini akan dipilih dengan teliti, berdasarkan kepentingan negara dan sumbangannya kepada kesejahteraan rakyat.

Aspirasi ASNB adalah untuk menyediakan pengurusan kewangan yang menyeluruh kepada pemegang unit, bermula dari peringkat bayi hingga ke penghujung hayat mereka. Wakaf ASNB merupakan salah satu elemen penting dalam perkhidmatan pengurusan kewangan yang ditawarkan, yang membolehkan pemegang unit melaksanakan pelaburan yang membawa keuntungan di dunia dan akhirat, dengan tadbir urus yang efisien dan berkesan.

Definisi

Dari Segi Istilah

Merujuk kepada harta yang ditahan hak pewakaf ke atasnya, dengan menghalang sebarang urusan seperti jual beli, pewarisan, hibah, dan wasiat, sambil mengekalkan sumber fizikal harta tersebut. Ia disalurkan untuk tujuan kebajikan, dengan niat mendekatkan diri pewakaf kepada Allah S.W.T.


Dari Segi Lughah (Bahasa)

Berhenti, menahan, atau menghalang



Konsep Wakaf ASNB

Wakaf ASNB mengintegrasikan konsep pelaburan dan wakaf untuk memastikan sumbangan pewakaf memberi manfaat yang berterusan. Harta wakaf dalam perkhidmatan Wakaf ASNB berbentuk unit amanah yang bersifat kekal dengan menggunakan konsep wakaf Muabbad bagi memastikan aset wakaf tidak boleh dijual, dipindah milik, atau diwarisi, demi memastikan manfaat yang berkekalan.



Kaedah Pengurusan Wakaf ASNB

1

Pendaftaran Wakaf

Pemegang unit perlu memohon atau melaksanakan Wakaf ASNB melalui saluran pengedaran yang disediakan.




7

Penyata dan Laporan Tahunan Wakaf

Setiap tahun, pewakaf akan menerima penyata dan laporan tahunan wakaf yang boleh diakses melalui laman sesawang rasmi.

Kelebihan Wakaf ASNB



Potongan Cukai Pendapatan

Pewakaf layak mendapat potongan cukai bagi jumlah yang diwakafkan tertakluk kepada 10% daripada pendapatan agregat pewakaf bagi tahun taksiran tersebut. Sumbangan Wakaf ASNB ini layak mendapat potongan cukai di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.



Tadbir Urus Telus dan informatif

Pewakaf akan menerima laporan tahunan yang menyeluruh, meliputi maklumat jumlah dana wakaf yang terkumpul, pulangan pelaburan yang diperoleh daripada dana tersebut, serta agihan sumbangan kepada projek-projek wakaf. Setiap projek wakaf akan melalui proses ketekunan wajar yang komprehensif, termasuk penilaian pematuhan dan operasi, bagi memastikan penerima dan pengurus projek benar-benar layak untuk menerima sumbangan manfaat wakaf.



Pengiktirafan Sebagai Mutawalli

ASNB Wakalah adalah institusi pengurusan wakaf yang diiktiraf sebagai Mutawalli oleh MAIWP dan bertanggungjawab untuk mengurus serta mentadbir perkhidmatan Wakaf ASNB, merangkumi proses pengumpulan dana wakaf dan pengagihan manfaat wakaf kepada projek-projek wakaf yang memberi impak berterusan.

7 Kelebihan Wakaf Melalui ASNB



Agihan ke Seluruh Malaysia

Agihan Dana Manfaat Wakaf dilaksanakan meliputi seluruh negara kepada pelbagai golongan penerima dari pelbagai sektor.



Dana Wakaf yang Berkekalan

Gabungan antara pelaburan dan wakaf, di mana dana yang diwakafkan dikekalkan untuk menjana pulangan pelaburan secara berterusan untuk disalurkan ke projek-projek wakaf yang memberi manfaat kepada masyarakat.



Pelantikan Penerima Notis

Pewakaf boleh menamakan waris untuk menerima maklumat berterusan berkaitan dana wakafnya selepas pewakaf meninggal dunia.



Permohonan Mudah

ASNB menawarkan saluran permohonan wakaf secara dalam talian melalui portal dan aplikasi myASNB, serta menerusi rangkaian cawangan ASNB dan ejen bank yang terpilih.

Terma dan Syarat

01



Kelayakan Pemegang unit

- 18 tahun dan ke atas
- Waras dan tidak muflis



02

Unit Amanah

- Semua unit amanah harga tetap sahaja
- Unit-unit milik penuh atau mutlak sahaja.
- Unit yang bercagar (pembiayaan) dan yang disekat untuk Hibah Amanah / Pengisytiharan Amanah tidak dibenarkan.



03

Jumlah Minimum

- 1,000 Unit atau RM1,000



04

Jumlah Maksimum

- Tiada had.
- Pemegang unit perlu mengekalkan baki minimum pelaburan tabung berkaitan (seperti yang terkandung dalam prospektus terkini)



05

Had Maksimum Individu (ASB & ASB 2)

- Unit yang diwakafkan daripada Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) adalah termasuk dalam jumlah had maksimum pelaburan individu bagi kedua-dua unit dana tersebut.



06

Konsep Wakaf Muabbad

- **Kekal:** Unit yang diwakafkan tidak boleh dipulangkan, dibatalkan, atau dipinda.
- **Pemindahan Milik:** Unit dipindahkan ke akaun wakaf yang didaftarkan di ASNB (MAIWP sebagai Pemegang Amanah) secara serta merta.
- **Hak Pewakaf:** Tuntutan semula tidak dibenarkan akan kerana hak pemilikan sudah tiada.



07

Yuran Permohonan

- Tiada yuran

Saluran

Permohonan Wakaf ASNB boleh dilaksanakan menerusi tiga saluran pengedaran iaitu:

1

**Cawangan ASNB
seluruh negara**

ASNB



2

myASNB

Portal &
Aplikasi mudah alih



3

**Cawangan Ejen
ASNB**

Bank Muamalat




Pencapaian 2025



Prestasi Wakaf ASNB

Unit Wakaf

Prestasi kutipan unit wakaf adalah amat memberangsangkan dengan catatan kutipan hampir mencapai 100 juta unit dalam tempoh 5 tahun perkhidmatan wakaf yang diperkenalkan sejak akhir tahun 2021.




Nota : 'J' merujuk pada juta

Rajah 1: Unit wakaf tahunan dan jumlah unit wakaf terkumpul sepanjang tahun operasi

Pewakaf Baharu

Sepanjang 2021 hingga 2025, Wakaf ASNB mencatat pertambahan pewakaf baharu yang konsisten, mencerminkan peningkatan kesedaran dan keyakinan masyarakat terhadap wakaf ASNB merentas pelbagai kelompok umur.



Rajah 2: Bilangan pewakaf baharu dan jumlah pewakaf terkumpul sepanjang tahun operasi

Prestasi Wakaf ASNB


Unit Wakaf Mengikut Unit Amanah

Sejak pelancaran sehingga Disember 2025, jumlah keseluruhan unit wakaf terkumpul ialah sebanyak **98.56 juta** unit di mana majoritinya adalah daripada unit amanah ASB iaitu **78%**.


Bermula 1 Januari 2024, unit amanah harga berubah tidak lagi ditawarkan untuk Wakaf ASNB. Walau bagaimanapun, pengagihan pendapatan yang terjana daripada unit wakaf yang telah disumbangkan daripada unit amanah harga berubah sebelumnya masih akan terus diagihkan untuk projek-projek wakaf.

Bagi tahun 2025, jumlah kutipan unit wakaf ialah sebanyak **21.63 juta** unit, dengan ASB mewakili **83%** daripada keseluruhan kutipan.

Rajah 3 : Unit wakaf terkumpul mengikut unit amanah



Rajah 4 : Kutipan unit wakaf mengikut unit amanah tahun 2025



Pengagihan Pendapatan Mengikut Unit Amanah

Jumlah pengagihan pendapatan terkumpul yang diperoleh daripada jumlah keseluruhan kutipan wakaf adalah sebanyak **RM4.90 Juta** pada tahun 2025. Jumlah pengagihan pendapatan mengikut unit amanah adalah seperti yang ditunjukkan dalam graf berikut.

Rajah 5: Pengagihan pendapatan mengikut unit amanah tahun 2025



Dana Manfaat Wakaf



Tentang Dana Manfaat Wakaf

Dana Manfaat Wakaf ASNB merupakan pulangan berbentuk pengagihan pendapatan yang dijana daripada unit amanah yang diwakafkan, dan seterusnya diagihkan kepada projek-projek wakaf terpilih selepas ditolak yuran berkaitan. Agihan dana manfaat tertumpu kepada empat (4) sektor iaitu pendidikan, pemerkasaan komuniti, kesihatan dan misi kemanusiaan.

Struktur Yuran

1

Yuran Pentadbiran

6.5% daripada pengagihan pendapatan/bonus dana wakaf (jika ada)

2

Yuran Mutawalli

5.0% daripada pengagihan pendapatan/bonus dana wakaf (jika ada)

3

Yuran Perkhidmatan

RM15 setahun bagi setiap pewakaf akan ditolak daripada jumlah pengagihan pendapatan/ bonus dana wakaf yang terkumpul

Yuran ini akan hanya dikenakan berdasarkan hasil pengagihan pendapatan unit yang diwakafkan (Dana Manfaat) sebelum diagihkan kepada projek-projek wakaf yang diluluskan. Tiada yuran dikenakan pada unit asal atau pemegang unit yang ingin berwakaf.

Yuran tahunan merangkumi kos pentadbiran perkhidmatan dan mutawalli yang diperlukan untuk mengurus tadbir pengurusan dana wakaf ASNB untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan efisien kepada para pewakaf ASNB.



Pengurusan Agihan Dana Manfaat Wakaf

Pemilihan projek wakaf atau penerima sumbangan Dana Manfaat Wakaf yang dilaksanakan adalah berdasarkan lima (5) proses utama yang terlibat dalam pengagihan Dana Manfaat Wakaf yang digunakan oleh ASNB Wakalah bagi memastikan agihan dilaksanakan dengan telus dan berkesan.

1

Permohonan / cadangan

Setiap permohonan dana wakaf perlu disertakan dengan borang lengkap yang menyatakan tujuan dan objektif permohonan. ASNB Wakalah atau cawangan ASNB mempunyai hak untuk mencadangkan penerima yang sesuai.

2

Semakan Permohonan dan Saringan Ketekunan Wajar

Setiap permohonan dan cadangan akan dinilai melalui saringan ketekunan wajar dari aspek kepatuhan syariah serta keberkesanan operasi sebelum dikemukakan kepada kumpulan agihan yang berkenaan untuk kelulusan.

3

Keputusan Permohonan

Keputusan proses ketekunan wajar akan menentukan status permohonan sama ada dicadangkan, dalam pertimbangan, atau ditolak untuk pembentangan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP bagi kelulusan muktamad.

4

Pengagihan Dana Manfaat Wakaf

Penyaluran dana wakaf boleh dilakukan dalam bentuk tunai, pindahan akaun bank, barangan, perkhidmatan, atau melalui kaedah lain yang ditentukan sesuai oleh ASNB Wakalah.

5

Pemantauan dan Penilaian

Laporan berkala mengenai tadbir urus dan kemajuan projek hendaklah dikemukakan oleh pengurus projek kepada ASNB Wakalah. Penilaian berterusan memastikan keberkesanan pelaksanaan dan pengurusan dana wakaf.

Pengagihan Dana Manfaat Wakaf

Ringkasan Maklumat Pengagihan Manfaat Wakaf



Peruntukan Manfaat Wakaf tahun sebelumnya
pada 1 Januari 2025

RM2,601,374



Peruntukan Manfaat Wakaf tahun semasa 2025

RM3,880,221



Jumlah Peruntukan Manfaat Wakaf

RM6,481,595



Agihan Manfaat Wakaf 2025 daripada
peruntukan tahun sebelum dan tahun semasa


(RM2,945,550)



Peruntukan Manfaat Wakaf pada 31
Disember 2025

RM3,536,045

Agihan Manfaat Wakaf



Rajah 6 : Statistik agihan manfaat wakaf


Jumlah agihan Dana Manfaat Wakaf ASNB menunjukkan peningkatan signifikan dari **RM1,638,390 pada tahun 2024 kepada RM2,945,550 pada tahun 2025.**

Kenaikan ini mencerminkan pertumbuhan sebanyak RM1,307,160 atau sekitar **79.8%**, menunjukkan prestasi dana wakaf yang semakin kukuh dan pengagihan yang lebih meluas kepada penerima.

Peningkatan tersebut dapat memberi gambaran jelas bahawa keyakinan dan sumbangan para pewakaf ASNB yang berterusan serta pengurusan dana yang berkesan telah menggalakkan pertumbuhan sumber Dana Manfaat Wakaf untuk diagihkan kepada pelaksanaan program wakaf dengan skala yang lebih besar dan impak yang lebih signifikan dalam komuniti.

Agihan Manfaat Wakaf Mengikut Sektor


Pendidikan	RM1,666,433
Pemeriksaan Komuniti	RM700,819
Kesihatan	RM478,298
Misi Kemanusiaan	RM100,000
Jumlah Keseluruhan	RM2,945,550



Rajah 7: Dana manfaat mengikut sektor bagi tahun 2025

Nota: Terdapat satu (1) projek pada tahun 2024 di bawah sektor pemeriksaan komuniti berjumlah RM840.00 diagihkan pada tahun 2025.

Entiti Penerima Agihan Wakaf



Pengagihan Dana Manfaat Wakaf Mengikut Sektor

Senarai Penerima Sektor Pendidikan

Negeri	Penerima/Rakan Kerjasama	Bentuk Agihan	Jumlah Agihan
 Selangor	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	Pembiayaan kos penajaan Program Bantuan Kewangan untuk pelajar asnaf	RM260,000
	SMK Kuala Selangor, Selangor	Pembiayaan kos pembinaan Surau Al-Kauthar	RM200,000
	Universiti Putra Malaysia (UPM)	Sumbangan dana bagi melengkapkan keperluan surau Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi	RM50,000
	Pertubuhan Pendidikan dan Kecemerlangan Anak-Anak Orang Asli (AJAR Society)	Pembiayaan kos elaun guru, yuran tutor, serta bahan pembelajaran dan buku latihan	RM23,500
	PIBG SK Lembah Beringin, Kuala Kubu Bharu	Pembiayaan kos pendawaian bilik komputer	RM9,604
 Johor	SMK Senggarang , Johor	Pembiayaan kos pemasangan bumbung surau sekolah, kerja-kerja pemasangan karpet dan pemasangan sistem siaraya	RM200,000
	Waqaf An Nur	Pembiayaan kos pembelian peranti/peralatan pembelajaran (Smart TV) untuk Sekolah Pendidikan Khas	RM136,000
	SK Pendidikan Khas Muar	Pembiayaan kos penambahan peranti sedia ada yang tidak mencukupi termasuk set hidroponik, mesin jahit	RM10,000

Pengagihan Dana Manfaat Wakaf Mengikut Sektor

Senarai Penerima Sektor Pendidikan

Negeri	Penerima/Rakan Kerjasama	Bentuk Agihan	Jumlah Agihan
 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Yayasan Didik Negara	Pembiayaan kos program Bilik Darjah Pintar/ 'Smart Classroom' (1 unit 'Smart Board') kepada 10 sekolah terpilih	RM120,000
	Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL)	Pembiayaan kos pembelian peranti/peralatan pembelajaran di dalam makmal komputer.	RM73,800
 Negeri Sembilan	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)	Sumbangan 'Smart TV' bagi menyokong pembelajaran interaktif di Sekolah Rendah dan Menengah terpilih di Negeri Sembilan	RM142,500
	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	1. Pembekalan komputer riba termasuk beg kepada 30 mahasiswa USIM terpilih (penerima bantuan zakat MAINS) 2. Sumbangan tabung pembangunan pendidikan USIM 3. Tajaan majlis iftar	RM113,500
	SMK Dato' Sedia Raja, Rembau	Pemasangan Karpét Surau	RM9,500

Pengagihan Dana Manfaat Wakaf Mengikut Sektor

Senarai Penerima Sektor Pendidikan

Negeri	Penerima/Rakan Kerjasama	Bentuk Agihan	Jumlah Agihan
 Perak	Maahad Tahfiz AlQuran Addin Vokasional 20, Tanjung Bayan	Pembiayaan kos pembelian satu (1) unit van	RM100,000
	Pusat Pelajar Islam, Ipoh	Pembiayaan kos penggantian peranti sedia ada termasuk meja, kerusi, televisyen kamera litar tertutup (CCTV) dan tilam	RM9,885
	SK Pendidikan Khas Taiping	Pembiayaan kos penambahan peranti sedia ada termasuk 'Sensory Bubble Tube', Langsir 'Blackout', 'Fibre Optic', 'Play Mat' dan cermin	RM5,000
	PIBG SMK Kg Dato Ahmad Said, Ipoh	Pembiayaan kos penggantian projektor	RM4,000
 Kedah	PIBG SK Rantau Panjang, Kuala Muda	Pembiayaan kos pembinaan pondok menunggu untuk murid sekolah	RM25,000
	PIBG SK Jeneri	Sumbangan khemah dan kerusi untuk murid SK Jeneri	RM21,000
 Sabah	SK Mansiat, Keningau	Pembiayaan kos pembelian alatan pembelajaran persekolahan	RM10,000

Pengagihan Dana Manfaat Wakaf Mengikut Sektor

Senarai Penerima Sektor Pendidikan

Negeri	Penerima/Rakan Kerjasama	Bentuk Agihan	Jumlah Agihan
 Pahang	PIBG Maahad Tahfiz Darul Ulum Al Basriyah, Kuantan	Pembiayaan kos penambahbaikan bumbung siling dewan makan	RM45,200
	KYP Education Sdn Bhd	Pembiayaan kos pembelian peranti/peralatan pembelajaran untuk pelajar asnaf/B40	RM37,918
	PIBG SMK Abdul Rahman Talib, Kuantan	Pembiayaan kos menaiktaraf kemudahan Surau Al-Mustaqim	RM20,000
		Pembiayaan kos membaikpulih lantai (Interlocking)	RM5,000
	SK Jalan Bahagia, Temerloh	Pembiayaan kos pembelian peralatan siaraya (PA System)	RM9,950
	Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang	Pembiayaan kos pembelian satu (1) unit 'Smart Board TV'	RM9,000
	SK (F) Bukit Sagu 2, Kuantan	Pembiayaan kos pembelian enam belas (16) unit meja makan	RM8,096
	PIBG SMK Nenasi, Pekan	Pembiayaan kos pembelian peranti/peralatan pembelajaran di dalam perpustakaan	RM7,980
Jumlah			RM1,666,433

Bingkisan Pengagihan Projek Wakaf ASNB Sektor Pendidikan

Pembinaan Surau Jumaat Bagi Warga Sekolah dan Komuniti

Rakan Strategik : SMK Kuala Selangor



Jumlah Agihan

RM200,000

Penerima Agihan

SMK Kuala Selangor

Jenis Agihan

Pembinaan Surau

Ulasan: Sebanyak RM200,000 telah diagihkah bagi tujuan pembinaan Surau Al-Kauthar melalui inisiatif kutipan daripada SMK Kuala Selangor.

Peruntukan ini digunakan bagi menampung kos pemasangan salur paip, saluran elektrik, serta kerja-kerja mengecat bagi melengkapkan pembinaan surau tersebut. Projek ini bukan sahaja menyediakan ruang ibadah yang lebih selesa dan kondusif kepada pelajar-pelajar dan kakitangan sekolah seramai 1,135 orang, malah berperanan penting dalam membentuk sahsiah pelajar melalui pengukuhan aktiviti keagamaan dan rohani. Surau ini juga telah mendapat pengiktirafan sebagai "Surau Jumaat" dan boleh dimanfaatkan penggunaan oleh komuniti berhampiran.

Bingkisan Pengagihan Projek Wakaf ASNB Sektor Pendidikan

Pembiayaan Program Bilik Darjah Pintar (Smart Classroom)

Rakan Strategik : Yayasan Didik Negara



Jumlah Agihan

RM120,000

Penerima Agihan

Yayasan Didik Negara

Jenis Agihan

10 Unit Smart Board

Ulasan: Sejumlah RM120,000 daripada Dana Manfaat Wakaf telah disumbangkan kepada Yayasan Didik Negara bagi membiayai pelaksanaan Program Bilik Darjah Pintar (Smart Classroom). Melalui inisiatif ini, sebanyak 10 unit Smart Board telah disalurkan untuk kegunaan 10 sekolah terpilih sekitar negeri Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Melaka & Johor.

Program ini bertujuan memperkukuh kemudahan pembelajaran digital di sekolah-sekolah terpilih dengan menyediakan persekitaran bilik darjah yang lebih interaktif, moden dan seiring dengan keperluan pendidikan abad ke-21. Usaha ini diharap dapat meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran serta memperluas manfaat wakaf kepada pembangunan pendidikan negara.

Pengagihan Dana Manfaat Wakaf Mengikut Sektor

Senarai Penerima Sektor Pemerkasaan Komuniti

Negeri	Penerima/Rakan Kerjasama	Bentuk Agihan	Jumlah Agihan
	Seikhlis Wakaf Seindah Ramadan "30 masjid seluruh negara"	- Sumbangan peralatan (penyedut hampagas) bagi kegunaan masjid - Tajaan majlis iftar	RM113,625
 Sabah	Yayasan Ikhlas	Pembiayaan kos projek pembangunan sistem air bersih di Kampung Dagat, Sabah	RM255,750
 Melaka	AIBIM MyWakaf / Majlis Agama Islam Melaka	Pembiayaan kos pembinaan 'Wakaf Solar Dome Dryer'	RM108,000
 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Sadaqa House (Bank Islam Malaysia Berhad)	Pembiayaan kos penajaan Mikro iTEKAD BangKIT	RM100,000
 Kedah	Lembaga Zakat Negeri Kedah	Pembiayaan pembelian mesin bagi kegunaan di Kilang Padi untuk Projek Hasan	RM80,000
 Kelantan	Masjid Al-Ehsan Mukim, Kg Salak, Tanah Merah	Pembiayaan kos pembelian peralatan/ kelengkapan masjid	RM21,000
 Johor	Taman Sinar Harapan Tampoi	Pembiayaan kos penggantian pernati sedia ada termasuk mesin basuh, mesin ketuhar, mesin sulam dan meja ping pong	RM10,000

Pengagihan Dana Manfaat Wakaf Mengikut Sektor

Senarai Penerima Sektor Pemerkasaan Komuniti

Negeri	Penerima/Rakan Kerjasama	Bentuk Agihan	Jumlah Agihan
 Pahang	Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung-Kampung Paya Luas, Temerloh	Pembiayaan kos penyelenggaraan dan membaik pulih tandas gelanggang bola jaring dan futsal Kampung Paya Luas	RM8,973
	Surau Al-Islah	Pembiayaan kos pembelian alatan bagi kegunaan surau	RM2,631
 Terengganu	Surau Puteh Kampung Duyung Besar	Pembelian dua (2) unit kipas pengudaraan	RM840
Jumlah			RM700,819

Bingkisan Pengagihan Projek Wakaf ASNB Sektor Pemerkasaan Komuniti

Pembangunan Sistem Air Bersih

Rakan Strategik : Yayasan Ikhlas



Jumlah Agihan

RM255,750

Penerima Agihan

Yayasan Ikhlas

Jenis Agihan

Pembangunan sistem air bersih

Ulasan : Sejumlah RM255,750 diperuntukkan bagi pelaksanaan projek pembangunan sistem bekalan air bersih di Kampung Dagat, Sabah, sebagai usaha memperkukuhkan kesejahteraan komuniti luar bandar.

Projek ini amat signifikan bagi menggantikan sumber air sungai kepada sumber air mineral daripada galian tanah untuk lebih 200 penduduk kampung. Sumber air bukan sahaja terhad penggunaan kepada sendiri namun menjadi sumber utama dalam aktiviti ekonomi dalam menyediakan ais batu bagi tujuan penyimpanan sejuk beku hasil tangkapan udang sebelum dipasarkan ke bandar berdekatan yang mengambil masa lebih kurang 2 jam tempoh perjalanan.

Bingkisan Pengagihan Projek Wakaf ASNB Sektor Pemerkasaan Komuniti



Jumlah Agihan

RM108,000

Penerima Agihan

AIBIM MyWakaf
Majlis Agama Islam
Melaka

Jenis Agihan

Wakaf Solar
Dome Dryer

Ulasan : Sejumlah RM108,000 diperuntukkan bagi pembinaan “Wakaf Solar Dome Dryer” dengan kerjasama AIBIM MyWakaf dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).

Projek inovatif ini bertujuan mengurangkan tempoh masa pengeringan hasil pertanian atau perikanan dengan suhu panas yang boleh dicapai hingga 40 hingga 70 darjah celsius pada satu-satu masa. Kaedah ini dapat meningkatkan produktiviti dan jumlah pengeluaran hasil serta produk bebas kuman dan berkualiti tinggi kepada 30 pengusaha dengan kadar pengeluaran sebanyak 300 kg (ikan kering) yang memberi pendapatan sehingga RM1,954 sebulan.

Pengagihan Dana Manfaat Wakaf Mengikut Sektor

Senarai Penerima Sektor Kesihatan

Negeri	Penerima/Rakan Kerjasama	Bentuk Agihan	Jumlah Agihan
 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Prudential BSN Takaful	Pembiayaan kos penajaan skim perubatan pesakit luar melalui takaful-wakaf	RM150,000
	Hospis Malaysia	Pembiayaan kos bagi pembelian peralatan oksigen	RM60,000
 Kelantan	Mercy Malaysia	Pembiayaan kos 'Primary Health Care Mobile Clinic for Indigenous Community in Kelantan'	RM100,000
 Pahang	Hospital Muadzam Shah	Pembiayaan kos pembelian peralatan perubatan di hospital	RM87,600
	Klinik Kesihatan, Bukit Goh, Kuantan	Pembiayaan kos pembelian peralatan perubatan di klinik	RM8,000
 Sarawak	Hospital Limbang	Pembiayaan kos pembelian peralatan perubatan untuk Wad Pediatrik	RM72,698
Jumlah			RM478,298

Bingkisan Pengagihan Projek Wakaf ASNB Sektor Kesihatan

Amanah Medicare: Skim Perubatan Sakit Luar Melalui Wakaf Takaful

Rakan Strategik: Prudential BSN



Jumlah Agihan

RM150,000

Penerima Agihan

Prudential BSN

Jenis Agihan

Takaful Skim Perubatan

Ulasan : Sejumlah RM150,000 diperuntukkan untuk projek Amanah Medicare membiayai takaful skim perubatan sakit luar bagi asnaf dan B40 yang disaring oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

Seramai 661 individu telah menerima manfaat ini dengan had maksimum perlindungan sebanyak RM300 bagi seorang atau setiap satu (1) individu untuk tempoh satu tahun. Jumlah keseluruhan projek ini adalah RM250,000 dengan kolaborasi sumbangan daripada Prudential berjumlah RM100,000.

Bingkisan Pengagihan Projek Wakaf ASNB Sektor Kesihatan

Klinik Bergerak Penjagaan Kesihatan Primer untuk Komuniti Orang Asli di Kelantan

Rakan Strategik: Mercy Malaysia



Jumlah Agihan

RM100,000

Penerima Agihan

Mercy Malaysia

Jenis Agihan

Klinik Kesihatan Bergerak

Ulasan: Sejumlah RM100,000 telah diagihkan bagi membiayai kos pelaksanaan klinik penjagaan kesihatan bergerak oleh Mercy Malaysia. Sebanyak dua (2) buah kampung komuniti Orang Asli di Kelantan telah menerima manfaat dengan enam (6) kali kaunter kesihatan dijalankan sepanjang tahun 2025.

Pengagihan Dana Manfaat Wakaf Mengikut Sektor

Senarai Penerima Sektor Misi Kemanusiaan

Negeri	Penerima/Rakan Kerjasama	Bentuk Agihan	Jumlah Agihan
  Terengganu & Kelantan	Malaysian Relief Agency (MRA)	Bantuan kewangan banjir bagi membaik pulih perniagaan/aktiviti ekonomi selepas bencana	RM100,000
	Jumlah		RM100,000

Bingkisan Pengagihan Projek Wakaf ASNB Sektor Misi Kemanusiaan

Bantuan Kewangan Pasca Banjir

Rakan Strategik: Malaysian Relief Agency (MRA)



Jumlah Agihan

RM100,000

Penerima Agihan

Malaysian Relief Agency (MRA)

Jenis Agihan

Bantuan Kewangan Pasca Banjir

Ulasan: Sebanyak RM100,000 diperuntukkan sebagai bantuan kewangan pasca banjir bagi membaik pulih perniagaan atau aktiviti ekonomi yang menjejaskan mangsa-mangsa banjir.

Seramai 20 orang peniaga dipilih dengan peruntukan sebanyak RM4,000 bagi seorang mangsa bagi proses renovasi, pembersihan, pembelian alatan baharu dan perkara berkaitan dalam memastikan perniagaan dapat dijalankan semula.

Selain bantuan makanan daripada pihak lain, bantuan kewangan ini amat penting bagi kesinambungan para mangsa/peniaga untuk menjalankan perniagaan pasca banjir.

Aktiviti Wakaf ASNB



Aktiviti Wakaf ASNB

Imbasan Aktiviti Bersama Rakan Strategik dan Pemegang Unit

Sesi perkongsian ilmu merupakan salah satu inisiatif strategik ASNB Wakalah dalam usaha mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pengurusan dana wakaf. Ini juga merupakan platform rasmi untuk menyampaikan cadangan kolaborasi dan perbincangan, membuka ruang bagi potensi kerjasama projek wakaf yang bersepadu di bawah kendalian entiti masing-masing.



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
(JAKIM)



Pejabat Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (AGAMA)



Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan



Majlis Agama Islam Negeri Sembilan




Yayasan Waqaf Malaysia

Aktiviti Wakaf ASNB

Pengiklanan Wakaf ASNB di TV, Radio, media sosial dan liputan aktiviti di akhbar nasional

Pengiklanan Wakaf ASNB di TV, Radio, media sosial dan liputan aktiviti di akhbar nasional adalah medium pemasaran secara digital dalam mempromosikan Wakaf ASNB kepada pemasaran massa ('mass market') untuk memperluaskan capaian sasaran. Antara program pemasaran utama termasuk penajaan program Borak Dulu Baru Buka di RTM sepanjang bulan Ramadan, hebahan dan pengiklanan Radio IKIM FM serta penganjuran agihan manfaat wakaf di seluruh negara melalui program Seikhlas Wakaf, Seindah Ramadan, pengumuman kerjasama strategik bersama Bank Muamalat Malaysia Bhd. sebagai ejen ASNB pertama yang menjadi saluran pengedaran untuk perkhidmatan Wakaf ASNB di akhbar-akhbar nasional dan perkongsian di media sosial ASNB.



Aktiviti Wakaf ASNB



Program 'Wakaf Day'

Program 'Wakaf Day' telah diteruskan pada tahun ini sebagai salah satu inisiatif utama untuk mempromosi dan menyampaikan maklumat serta penjelasan terperinci kepada para pemegang unit ASNB mengenai perkhidmatan Wakaf ASNB. Program 'Wakaf Day' telah dilaksanakan di cawangan-cawangan ASNB sepanjang tahun 2025.



Aktiviti Wakaf ASNB



Taklimat Bersama Pemegang Unit ASNB

Taklimat Bersama Pemegang Unit ASNB telah dilaksanakan secara berkala menerusi program-program berskala besar di masjid-masjid, syarikat pelaburan Kumpulan PNB, program bersama “High Networth Customer” dan program anjuran PNB/ASNB seperti “Sky Race” dan seumpamanya. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk memberi penerangan berkaitan Wakaf ASNB selain menawarkan kemudahan perkhidmatan urus niaga ASNB kepada para pemegang unit dan juga para pengunjung.



Aktiviti Wakaf ASNB

Kaunter Perkhidmatan ASNB

Kaunter Perkhidmatan ASNB terus menjadi salah satu medium utama dalam memasarkan dan mempromosi perkhidmatan Wakaf ASNB kepada pemegang-pemegang unit ASNB. Inisiatif ini bertujuan memperluas jangkauan serta meningkatkan kesedaran pemegang unit dan masyarakat mengenai konsep dan peluang berwakaf melalui ASNB. Pemegang unit juga dapat berurusan terus dengan ASNB untuk mendapatkan khidmat nasihat dan melaksanakan urus niaga ASNB.



Penyata Pengurus dan Penyata Kewangan Beraudit bagi Dana Manfaat Wakaf ASNB



WAKAF ASNB
Penyata Pengurus dan Penyata Kewangan
Beraudit Bagi Tahun Kewangan Berakhir
31 Disember 2025

WAKAF ASNB

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENYATA PENGURUS	1
PENGAKUAN BERKANUN	1
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	2 - 5
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	6
PENYATA PRESTASI KEWANGAN	7
PENYATA PERUBAHAN DANA AMANAH	8
PENYATA ALIRAN TUNAI	9
NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN	10 - 46
NOTA-NOTA BERKENAAN KUMPULAN WANG WAKAF MENGIKUT WANG ASAS DAN WANG MANFAAT	47 - 50

WAKAF ASNB

PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang Amanah dan pewakaf-pewakaf

WAKAF ASNB

Kami, sebagai Pengarah kepada ASNB Wakalah Sdn. Bhd., iaitu Pengurus kepada Wakaf ASNB dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Wakaf ASNB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, berserta dengan nota-nota yang dibentangkan pada muka surat 6 hingga 50 disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PIBZW), bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Wakaf ASNB pada 31 Disember 2025, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak ASNB Wakalah Sdn. Bhd. selaku Pengurus kepada Wakaf ASNB, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 21 Januari 2026.



Datuk Dr. Mohamad Akram bin Laldin



En. Fadziha Abbas bin Mohamed Ramlee

PENGAKUAN BERKANUN

Saya, Mohd Irwan bin Ahmad Mustafa @ Mustafa, sebagai Pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Wakaf ASNB, dengan sungguh dan seikhlasnya mengisytiharkan bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 6 hingga 50 pada pengetahuan dan kepercayaan terbaik saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan mematuhi peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diisytiharkan
sesungguhnya oleh penama di atas
Mohd Irwan bin Ahmad Mustafa @ Mustafa
di Kuala Lumpur di Wilayah Persekutuan
pada 21 Januari 2026

Di hadapan saya,



AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR, 1
UG BALAI, BALAI PNB,
201-A, JALAN TUN RAZAK,
50400 KUALA LUMPUR, WP.



Mohd Irwan bin Ahmad Mustafa @ Mustafa

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG AMANAH DAN PEWAKAF-PEWAKAF WAKAF ASNB

Laporan Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan WAKAF ASNB, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2025, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan dana amanah dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut, serta nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk maklumat dasar perakaunan material dan nota-nota berkenaan Kumpulan Wang Wakaf mengikut wang asas dan wang manfaat, seperti yang dibentangkan di muka surat 6 hingga 50.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Wakaf ASNB pada 31 Disember 2025, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PIIBZW) dan menurut perjanjian pelantikan mutawalli bagi perkhidmatan Wakaf ASNB.

Asas bagi Pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini dihuraikan dengan lanjut dalam seksyen *Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan*. Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas untuk pendapat kami.

Kebebasan dan Lain-Lain Tanggungjawab Etika

Kami adalah bebas daripada Wakaf ASNB menurut *By-Laws (on Professional Ethics, Conduct and Practice)* oleh Institut Akauntan Malaysia ("*By-Laws*") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk *Accountants' International Code of Ethics for Professional Accountants (including International Independence Standards)* ("*IESBA Code*"), dan kami telah melaksanakan lain-lain tanggungjawab etika menurut *By-Laws* dan *IESBA Code*.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit ke atasnya

Para Pengurus Wakaf ASNB bertanggungjawab kepada maklumat lain. Maklumat lain adalah merangkumi Laporan Tahunan tetapi tidak termasuk penyata kewangan Wakaf ASNB dan laporan juruaudit ke atasnya.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Wakaf ASNB tidak meliputi Laporan Tahunan dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan ke atasnya.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG AMANAH DAN PEWAKAF-PEWAKAF WAKAF ASNB

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit ke atasnya (Sambungan)

Berhubung dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Wakaf ASNB, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Tahunan dan, melaluinya, mempertimbangkan sama ada Laporan Tahunan adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Wakaf ASNB atau pengetahuan yang kami perolehi dalam pengauditan atau sebaliknya dilihat sebagai salah nyata ketara.

Sekiranya, berasaskan kepada kerja yang kami jalankan, kami membuat kesimpulan terdapat salah nyata secara ketara terhadap Laporan Tahunan, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Para Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan

Para Pengurus Wakaf ASNB bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan Wakaf ASNB yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW). Para Pengurus juga bertanggungjawab untuk kawalan dalaman yang ditentukan perlu oleh Para Pengurus untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Wakaf ASNB yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Wakaf ASNB, Para Pengurus bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Wakaf ASNB untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, di mana berkenaan, hal-hal berkaitan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan Para Pengurus sama ada berniat untuk membubarkan Wakaf ASNB atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai pilihan lain yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Wakaf ASNB secara keseluruhan adalah bebas dari salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukanlah satu jaminan pengauditan yang dijalankan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan sesuatu salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sekiranya, secara individu atau secara agregat, boleh dijangka secara munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG AMANAH DAN PEWAKAF-PEWAKAF WAKAF ASNB

Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan (Sambungan)

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara ke atas penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Wakaf ASNB.
- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Para Pengurus.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan oleh para Pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Wakaf ASNB untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidaktentuan ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Wakaf ASNB berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Wakaf ASNB, termasuk pendedahan-pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili transaksi asas dan peristiwa dalam keadaan yang mencapai persembahan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan Para Pengurus mengenai, antara lain, skop dan jangka masa pengauditan yang dirancang dan penemuan penting audit, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa pengauditan.

TMF/Y01(013)/W0006/12(25)/01(26)/U

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG AMANAH DAN PEWAKAF-PEWAKAF WAKAF ASNB

Perkara-perkara Lain

Seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.4 pada penyata kewangan, Wakaf ASNB telah mengguna pakai Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) pada 1 Januari 2025 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2024. Piawaian ini telah diterapkan secara retrospektif oleh Para Pengurus ke atas maklumat perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk penyata kedudukan kewangan Wakaf ASNB pada 31 Disember 2024, serta penyata prestasi kewangan, penyata perubahan dana amanah dan penyata aliran tunai Wakaf ASNB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, berserta pendedahan berkaitan. Kami tidak mengaudit ke atas maklumat perbandingan yang telah dinyatakan semula dan maklumat tersebut adalah tidak diaudit. Tanggungjawab kami sebagai sebahagian daripada audit penyata kewangan Wakaf ASNB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai bahawa baki pembukaan pada 1 Januari 2025 tidak mengandungi salah nyata yang memberi kesan material terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2024 serta prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun kewangan tersebut.

Penyata kewangan Wakaf ASNB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 yang dibentangkan untuk tujuan perbandingan telah diaudit dan dilaporkan oleh Akauntan Bertauliah lain yang laporannya bertarikh 24 Februari 2025, menyatakan pendapat yang tidak diubahsuai.

Laporan ini dibuat semata-mata kepada Pemegang Amanah dan Pewakaf-Pewakaf sebagai satu badan dan tanpa ada sebarang tujuan lain. Kami tidak mengambil tanggungjawab ke atas pihak lain bagi kandungan laporan ini.


AKH & PARTNERS PLT
LLP0030554-LCA (AF002418)
Akauntan-Akauntan Bertauliah


TUAN MUHAMAD FIRDAUS BIN TUAN OMAR
03559/03/2027 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
Tarikh : 21 JAN 2026

WAKAF ASNB
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2025

	Nota	Kumpulan Wang Wakaf	
		2025	2024
		RM	RM
		<i>Dinyatakan semula mengikut PPIBZW</i>	
ASET			
ASET BUKAN SEMASA			
Pelaburan dalam unit-unit amanah	4	98,186,517	76,578,048
ASET SEMASA			
Deposit dengan institusi kewangan islamik	5	379,590	343,355
Pendapatan belum terima	6	4,098,204	2,946,429
Lain-lain belum terima	7	-	420
Tunai di bank		10,544	7,656
JUMLAH ASET SEMASA		4,488,338	3,297,860
JUMLAH ASET		102,674,855	79,875,908
LIABILITI			
LIABILITI SEMASA			
Belum bayar kepada Pengurus	8	747,537	546,950
Belum bayar kepada Pemegang Amanah	9	204,756	147,304
Lain-lain belum bayar	10	-	2,232
Peruntukan manfaat wakaf belum diagihkan	11	3,536,045	2,601,374
JUMLAH LIABILITI		4,488,338	3,297,860
JUMLAH ASET BERSIH		98,186,517	76,578,048
DANA AMANAH			
DANA TERHAD			
Modal Wakaf Am	12	98,016,578	76,383,457
Rizab nilai saksama Aset Wakaf	13	169,939	194,591
JUMLAH DANA AMANAH		98,186,517	76,578,048

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

WAKAF ASNB
PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

		Kumpulan Wang Wakaf	
	Nota	2025	2024
		RM	RM
		Dinyatakan semula mengikut PPIBZW	
HASIL			
Pengagihan pendapatan daripada unit-unit amanah	14	4,905,299	3,495,185
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan islamik	15	24,597	19,876
JUMLAH HASIL		4,929,896	3,515,061
PERBELANJAAN DAN AGIHAN			
PERBELANJAAN			
Yuran pentadbiran dan perkhidmatan	16	(804,410)	(582,642)
Yuran mutawalli	17	(245,265)	(174,759)
Jumlah Perbelanjaan		(1,049,675)	(757,401)
AGIHAN			
Agihan wakaf – pendidikan	18	(1,666,433)	(780,310)
Agihan wakaf – kesihatan	19	(478,298)	(197,860)
Agihan wakaf – pemerkasaan komuniti	20	(700,819)	(567,320)
Agihan wakaf – misi kemanusiaan	21	(100,000)	(92,900)
Jumlah Agihan		(2,945,550)	(1,638,390)
PERUNTUKAN AGIHAN			
Perubahan peruntukan manfaat wakaf belum diagihkan	11	(934,671)	(1,119,270)
JUMLAH PERBELANJAAN DAN AGIHAN		(4,929,896)	(3,515,061)
LEBIHAN/(KURANGAN) WAKAF		-	-

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

WAKAF ASNB
PENYATA PERUBAHAN DANA AMANAH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	<-----Kumpulan Wang Wakaf----->			
	Modal Wakaf Am	Rizab Nilai Saksama Aset Wakaf	Lebihan/ Kurangan Terkumpul Wakaf	Jumlah Dana Amanah
	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2024	-	-	1,482,104	1,482,104
Jumlah pendapatan komprehensif sebelum agihan bagi tahun kewangan	-	-	2,757,660	2,757,660
Agihan kepada projek-projek wakaf	-	-	(1,638,390)	(1,638,390)
Pada 31 Disember 2024	-	-	2,601,374	2,601,374
Dinyatakan semula di bawah PPIBZW	76,383,457	194,591	(2,601,374)	73,976,674
Pada 1 Januari 2025	76,383,457	194,591	-	76,578,048
Pada 1 Januari 2025	76,383,457	194,591	-	76,578,048
Unit-unit amanah yang diwakafkan pada tempoh kewangan	21,633,121	-	-	21,633,121
Penilaian semula aset wakaf unit-unit amanah pada tahun kewangan berakhir	-	(24,652)	-	(24,652)
Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Wakaf sebelum agihan	-	-	3,880,221	3,880,221
Manfaat wakaf tahun sebelum yang telah diagihkan	-	-	(2,601,374)	(2,601,374)
Manfaat wakaf tahun semasa yang telah diagihkan	-	-	(344,176)	(344,176)
Perubahan peruntukan manfaat wakaf belum diagihkan	-	-	(934,671)	(934,671)
Pada 31 Disember 2025	98,016,578	169,939	-	98,186,517

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

WAKAF ASNB
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	Kumpulan Wang Wakaf	
	2025	2024
	RM	RM
	<i>Dinyatakan semula (kaedah tidak langsung)</i>	
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebihan/(Kurangan) Wakaf	-	-
Pergerakan Bukan Tunai / Pelarasan Untuk :		
Peruntukan manfaat wakaf belum diagihkan	934,671	1,119,270
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan islamik	(24,597)	(19,876)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA	910,074	1,099,394
Perubahan Modal Kerja :		
Peningkatan pengagihan pendapatan belum terima daripada unit-unit amanah	(1,149,056)	(1,258,439)
Pengurangan / (Peningkatan) belum terima lain	420	(420)
Peningkatan belum bayar kepada Pengurus	200,587	221,688
Peningkatan belum bayar kepada Pemegang Amanah	57,452	62,922
(Pengurangan) / Peningkatan belum bayar lain	(2,232)	2,232
ALIRAN TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI OPERASI	17,245	127,377
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan islamik	21,878	19,580
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pelaburan	21,878	19,580
PENAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	39,123	146,957
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN	351,011	204,054
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	390,134	351,011
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	10,544	7,656
Deposit dengan institusi kewangan islamik (Nota 5)	379,590	343,355
Tunai dan persamaan tunai	390,134	351,011

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

WAKAF ASNB

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2025

1. WAKAF ASNB, PENGURUS, PEMEGANG AMANAH DAN PEWAKAF-PEWAKAF

Perkhidmatan Wakaf ASNB dilancarkan pada 25 Oktober 2021 selaras dengan pelaksanaan Perjanjian Mutawalli bertarikh 22 September 2021, antara Pengurus, ASNB Wakalah Sdn. Bhd. ("AWSB") dan Pemegang Amanah, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ("MAIWP") ("Perjanjian Mutawalli").

Perkhidmatan Wakaf ASNB ialah perkhidmatan bagi membolehkan unit-unit amanah yang dipegang oleh pelabur-pelabur Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") dapat diwakafkan dan didaftarkan atas nama MAIWP sebagai pemegang amanah tunggal Wakaf ASNB. Unit-unit amanah ASNB yang diwakafkan adalah bersifat wakaf mu'abbad (kekal) dan pengagihan pendapatan dijana atas unit-unit amanah dalam pegangan selaras dengan sebarang pengagihan pendapatan tahunan unit-unit amanah yang berkenaan.

Pengagihan pendapatan bersih yang dijana daripada unit-unit amanah ASNB yang diwakafkan melalui Wakaf ASNB selepas ditolak dengan yuran-yuran yang terlibat (berikutnya dirujuk sebagai "Manfaat Wakaf ASNB") disalurkan dan diagihkan kepada projek-projek wakaf serta program-program yang dikenalpasti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP ("JPWB") seperti kesihatan, pendidikan, pemerkasaan komuniti dan misi kemanusiaan.

AWSB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh ASNB. Kegiatan utama AWSB ialah mengurus perkhidmatan Wakaf ASNB serta mengurus dan mentadbir pengagihan Manfaat Wakaf ASNB kepada projek-projek wakaf yang diluluskan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama PNB ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah AWSB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 21 Januari 2026.

WAKAF ASNB

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2025

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan beraudit Wakaf ASNB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, telah disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Islam Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW).

2.1 Tahun kewangan

Tahun kewangan Wakaf ASNB adalah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

2.2 Nilai Mata Wang

Penyata kewangan ini telah disediakan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga merupakan mata fungsian Wakaf ASNB.

2.3 Kumpulan Wang

Wakaf ASNB merupakan Kumpulan Wang Wakaf di bawah MAIWP dan terdiri daripada Kumpulan Wang Wakaf Am sahaja dan tiada Kumpulan Wang Wakaf Khas, Kumpulan Wang Zakat atau Kumpulan Wang Sumber Am.

2.4 Perubahan dalam polisi perakaunan

Polisi perakaunan Wakaf ASNB telah berubah daripada piawaian perakaunan MFRS dan IFRS kepada piawaian perakaunan yang baru, PPIBZW bermula pada 1 Januari 2025. Selain itu, polisi perakaunan Wakaf ASNB telah berubah supaya selaras dengan dasar perakaunan MAIWP. Bermula pada 1 Januari 2025, Wakaf ASNB membentangkan Penyata Aliran Tunai mengikut kaedah tidak langsung seperti MAIWP.

2.5 Maklumat perbandingan

Maklumat perbandingan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 telah dinyatakan semula mengikut piawaian perakaunan PPIBZW serta menggunakan kaedah tidak langsung bagi penyediaan Penyata Aliran Tunai.

WAKAF ASNB

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2025

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

(a) Aset-aset kewangan

Pengiktirafan

Aset-aset kewangan Wakaf ASNB terdiri daripada tunai dan hak kontraktual yang merangkumi Aset Asas Wakaf dan Aset Manfaat Wakaf. Aset-aset kewangan adalah diiktiraf hanya apabila Wakaf ASNB menjadi pihak kepada peruntukan kontrak tersebut dan diiktiraf sebagai salah satu yang berikut:

- (i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui dana amanah (rizab nilai saksama Aset Wakaf) bagi Aset Asas Wakaf seperti berikut:
 - Pelaburan dalam unit-unit amanah
- (ii) Aset kewangan pada kos terlunas (instrumen pembiayaan) bagi Aset Manfaat Wakaf seperti berikut:
 - Deposit dengan institusi kewangan islamik
 - Pendapatan belum terima
 - Lain-lain belum terima

Pengukuran awal

Wakaf ASNB mengiktiraf aset-aset kewangan pada permulaan pengiktirafan pada nilai saksama serta kos transaksi kecuali aset kewangan yang merupakan instrumen pembiayaan diukur pada nilai kini terimaan masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar keuntungan pasaran untuk instrumen pembiayaan yang serupa pada pengiktirafan awal.

Pengukuran berikutnya

Pada akhir setiap tahun kewangan, instrumen kewangan diukur seperti berikut:

- (i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui dana amanah.

Aset kewangan diiktiraf seterusnya pada nilai saksama dan perubahan nilai saksama diiktiraf dalam rizab nilai saksama Aset Wakaf. Perubahan nilai saksama unit-unit amanah harga berubah-ubah diukur berdasarkan nilai saksama dalam pasaran aktif pada akhir setiap tempoh kewangan.

- (ii) Aset kewangan pada kos terlunas (instrumen pembiayaan); atau

Aset kewangan diiktiraf seterusnya menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif dan adalah tertakluk kepada sebarang penjejakan nilai.

WAKAF ASNB

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2025

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

(a) Aset-aset kewangan (samb.)

Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyahiktiraf hanya apabila hak kontraktual terhadap aliran tunai daripada aset tersebut berakhir, atau apabila pemilikan aset kewangan dan segala risiko serta ganjaran pemilikan aset dengan ketara dipindahkan kepada pihak lain.

(b) Penjejasan nilai dalam aset kewangan yang diukur pada kos atau kos terlunas

Pengiktirafan

Pada setiap akhir tahun kewangan, Wakaf ASNB menaksir sama ada terdapat bukti objektif penjejasan nilai bagi sebarang aset kewangan yang diukur pada kos atau kos terlunas. Bukti objektif penjejasan nilai adalah apabila satu atau lebih peristiwa boleh diperhatikan dan diketahui tentang peristiwa kerugian termasuk kemerosotan kredit.

Sekiranya terdapat bukti objektif penjejasan nilai, kerugian penjejasan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta merta. Penjejasan nilai ditaksir secara individu atau kumpulan berasaskan ciri-ciri risiko kredit yang serupa kecuali aset kewangan yang signifikan ditaksir secara individu.

Pengukuran

Kerugian penjejasan nilai aset kewangan ialah perbezaan antara jumlah bawaan aset dan nilai kini anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar keuntungan efektif asal aset.

Sekiranya aset kewangan tersebut mempunyai kadar keuntungan berubah-ubah, kadar diskaun untuk mengukur sebarang kerugian penjejasan nilai adalah kadar keuntungan efektif semasa yang ditentukan mengikut kontrak.

Penarikbalikan

Sekiranya terdapat peningkatan penarafan kredit penghutang pada tahun kewangan berikutnya, kerugian penjejasan nilai yang telah diiktiraf sebelum ini dibalikkan dan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta merta.

WAKAF ASNB

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2025

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

(c) Liabiliti kewangan

Pengiktirafan

Liabiliti-liabiliti kewangan Wakaf ASNB terdiri daripada obligasi kontraktual untuk menyerahkan tunai atau aset kewangan lain kepada pihak lain.

Liabiliti kewangan adalah diiktiraf hanya apabila Wakaf ASNB menjadi pihak kepada peruntukan kontrak tersebut dan diiktiraf sebagai liabiliti kewangan pada kos terlunas (instrumen pembiayaan) seperti berikut:

- Belum bayar kepada Pengurus
- Belum bayar kepada Pemegang Amanah
- Lain-lain belum bayar

Pengukuran awal

Wakaf ASNB mengiktiraf liabiliti kewangan pada permulaan pengiktirafan pada nilai saksama serta kos transaksi kecuali liabiliti kewangan yang merupakan instrumen pembiayaan diukur pada nilai kini terimaan masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar keuntungan pasaran untuk instrumen pembiayaan yang serupa pada pengiktirafan awal.

Pengukuran berikutnya

Pada akhir setiap tahun kewangan, liabiliti kewangan pada kos terlunas (instrumen pembiayaan) diiktiraf seterusnya menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif.

Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf hanya apabila ia dimansuhkan iaitu apabila obligasi yang khusus telah diselesaikan seperti dalam kontrak, dibatalkan atau luput.

Perbezaan antara jumlah bawaan liabiliti kewangan (atau sebahagiannya) yang dimansuhkan atau dipindahkan kepada pihak lain dan balasan yang dibayar diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan.

WAKAF ASNB

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2025

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

(d) Peruntukan manfaat wakaf yang belum diagihkan

Pengiktirafan dan pengukuran

Hasil manfaat wakaf yang diterima mewujudkan obligasi kini yang timbul daripada obligasi syariah yang memerlukan Wakaf ASNB mengagihkan manfaat wakaf tersebut kepada penerima manfaat. Peruntukan adalah diiktiraf bagi hasil manfaat wakaf yang belum diagihkan bagi tempoh kewangan.

Selain daripada obligasi syariah untuk mengagihkan hasil manfaat wakaf, tiada obligasi lain yang wujud melainkan yuran-yuran seperti tertera dalam perjanjian. Oleh itu, peruntukan bagi Wakaf ASNB hanya wujud disebabkan perbezaan masa antara penerimaan hasil manfaat wakaf, penentuan penerima manfaat dan pengagihan manfaat.

(e) Modal Wakaf Am

Pengiktirafan

Sumbangan daripada pewakaf adalah Wakaf Am bukan tunai iaitu dalam bentuk unit-unit amanah dan diiktiraf sebagai aset dan Dana Amanah pada tarikh unit-unit amanah diwakafkan.

Pengukuran

Wakaf ASNB mengukur sumbangan daripada pewakaf pada jumlah yang sama dengan jumlah Aset Asas Wakaf yang diiktiraf pada tarikh pemerolehan aset yang juga merupakan tarikh unit-unit amanah diwakafkan.

(f) Rizab nilai saksama Aset Wakaf

Pengiktirafan

Wakaf ASNB adalah bersifat wakaf mu'abbad iaitu kekal selama-lamanya dan tidak boleh dijual beli. Sebarang perubahan nilai saksama Aset Asas Wakaf pada akhir setiap tahun kewangan adalah diiktiraf dalam rizab nilai saksama Aset Wakaf dan tidak menjejaskan Dana Amanah Modal Wakaf Am atau lebih atau kurang.

Pengukuran

Sebarang perubahan nilai saksama unit-unit amanah harga berubah-ubah adalah diukur berdasarkan nilai saksama dalam pasaran aktif pada akhir setiap tempoh kewangan.

WAKAF ASNB

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2025

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

(g) Hasil Manfaat Wakaf

(i) Pengagihan pendapatan daripada unit-unit amanah

Pengiktirafan

Wakaf ASNB mengiktiraf hasil manfaat wakaf sebagai hasil dan mempertimbangkan berdasarkan hujah wakaf, sebarang pengaturian mengikat atau sebarang peristiwa lain yang berkaitan dengan aliran masuk manfaat ekonomi masa hadapan yang wujud daripada aset wakaf iaitu pelaburan dalam unit-unit amanah.

Pengagihan pendapatan daripada unit-unit amanah diiktiraf berdasarkan asas akruan apabila hak untuk penerimaan dapat dipastikan iaitu apabila pengagihan pendapatan diumumkan bagi setiap Tabung Unit-unit Amanah yang berkenaan.

Pengukuran

Pengagihan pendapatan daripada unit-unit amanah diukur pada nilai saksama yang boleh diperolehi. Kadar pengagihan pendapatan dibentangkan pada nota 14.

(ii) Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan islamik

Pengiktirafan

Sebarang hasil manfaat wakaf yang belum diagihkan adalah diletakkan dalam deposit dengan institusi kewangan islamik berjangka pendek sehingga agihan dibuat kepada penerima manfaat.

Keuntungan daripada deposit dengan institusi kewangan berteraskan prinsip syariah adalah diktiraf apabila hak penerimaan kepada keuntungan dapat dipastikan.

Pengukuran

Pendapatan keuntungan diiktiraf berdasarkan asas akruan dengan menggunakan kadar keuntungan efektif.

WAKAF ASNB

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2025

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)

(i) Pengiktirafan perbelanjaan dan agihan wakaf

Perbelanjaan yuran dan agihan wakaf diiktiraf apabila yuran dan agihan dapat dipastikan pembayarannya pada tempoh kewangan yang berkenaan.

(j) Penilaian dan anggaran perakaunan yang ketara

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh laporan.

Walau bagaimanapun, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan keputusan yang mana memerlukan pelarasan ketara jumlah dibawa oleh aset atau liabiliti pada masa akan datang.

Tiada pertimbangan utama telah dibuat oleh Pengurus dalam mengguna pakai dasar-dasar perakaunan Wakaf ASNB. Tiada terdapat andaian utama mengenai masa depan dan lain - lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini, yang mempunyai risiko penting yang boleh menyebabkan pelarasan penting kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang.

WAKAF ASNB

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2025

4. PELABURAN DALAM UNIT-UNIT AMANAH

Aset wakaf bagi Wakaf ASNB adalah dalam bentuk pelaburan dalam unit-unit amanah ASNB bagi tahun kewangan berakhir seperti berikut:

	2025 RM	2024 RM
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 31 Mac:		
ASB 2	5,023,453	4,258,626
ASM	288,291	221,291
ASN Equity 3	8,693	8,882
ASN Imbang 2	21,133	21,493
ASN Sara 1	44,692	44,555
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 30 Jun:		
ASB 3 Didik	3,488,478	2,792,514
ASN Equity 2	58,759	60,711
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 31 Ogos:		
ASM 2 Wawasan	6,899,555	5,385,248
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 30 September:		
ASM 3	4,163,310	3,520,761
ASN Equity 5	5,644	5,807
ASN Sara 2	35,379	35,354
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 30 November:		
ASN Imbang 1	30,795	31,262
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 31 Disember:		
ASB	77,237,460	59,288,986
ASN	849,295	871,911
ASN Imbang 3 Global	17,816	17,520
ASN Equity Global	13,764	13,127
	<u>98,186,517</u>	<u>76,578,048</u>

WAKAF ASNB

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2025

4. PELABURAN DALAM UNIT-UNIT AMANAH (SAMB.)

Harga unit-unit amanah ASNB bagi tahun kewangan berakhir adalah seperti berikut:

	2025 RM seunit	2024 RM seunit
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 31 Mac:		
ASB 2	1.0000	1.0000
ASM	1.0000	1.0000
ASN Equity 3*	1.0357	1.0582
ASN Imbang 2*	1.0513	1.0692
ASN Sara 1*	1.1464	1.1429
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 30 Jun:		
ASB 3 Didik	1.0000	1.0000
ASN Equity 2*	0.4907	0.5070
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 31 Ogos:		
ASM 2 Wawasan	1.0000	1.0000
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 30 September:		
ASM 3	1.0000	1.0000
ASN Equity 5*	1.1288	1.1613
ASN Sara 2*	1.0008	1.0001
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 30 November:		
ASN Imbang 1*	1.0823	1.0987
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 31 Disember:		
ASB	1.0000	1.0000
ASN*	0.7210	0.7402
ASN Imbang 3 Global*	1.0765	1.0586
ASN Equity Global*	1.1470	1.0939

* Tabung unit amanah harga berubah-ubah diukur semula mengikut nilai saksama pasaran pada akhir setiap tahun kewangan.

WAKAF ASNB

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2025

4. PELABURAN DALAM UNIT-UNIT AMANAH (SAMB.)

Unit-unit wakaf terkumpul bagi tahun kewangan berakhir adalah seperti berikut:

	2025 unit	2024 unit
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 31 Mac:		
ASB 2	5,023,453	4,258,626
ASM	288,291	221,291
ASN Equity 3*	8,393	8,393
ASN Imbang 2*	20,102	20,102
ASN Sara 1*	38,985	38,985
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 30 Jun:		
ASB 3 Didik	3,488,478	2,792,514
ASN Equity 2*	119,745	119,745
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 31 Ogos:		
ASM 2 Wawasan	6,899,555	5,385,248
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 30 September:		
ASM 3	4,163,310	3,520,761
ASN Equity 5*	5,000	5,000
ASN Sara 2*	35,350	35,350
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 30 November:		
ASN Imbang 1*	28,454	28,454
Unit-unit amanah dengan tahun berakhir 31 Disember:		
ASB	77,237,460	59,288,986
ASN*	1,177,940	1,177,940
ASN Imbang 3 Global*	16,550	16,550
ASN Equity Global*	12,000	12,000
	<u>98,563,066</u>	<u>76,929,945</u>

* Bermula pada 1 Januari 2024, tawaran Wakaf ASNB hanya terhad kepada tabung unit amanah harga tetap sahaja.

WAKAF ASNB

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2025

5. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN ISLAMIK

	2025 RM	2024 RM
Pada kos		
Institusi-institusi kewangan islamik	379,590	343,355

Purata wajaran kadar pendapatan efektif ("PWKPE") tahunan dan purata kematangan bagi deposit dengan institusi kewangan islamik pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

	2025		2024	
	PWKPE (% p.a)	Purata Tempoh Matang (Hari)	PWKPE (% p.a)	Purata Tempoh Matang (Hari)
Institusi-institusi kewangan islamik	3.60	83	4.15	57

Tidak ada deposit dengan institusi kewangan islamik dengan tempoh matang melebihi 90 hari (2024: Tidak melebihi 90 hari).

6. PENDAPATAN BELUM TERIMA

	2025 RM	2024 RM
Pengagihan pendapatan belum terima daripada unit-unit amanah:		
Amanah Saham Bumiputera ("ASB")	4,073,455	2,920,278
Amanah Saham Nasional ("ASN")	21,321	25,444
ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global ("ASN Imbang 3 Global")	358	356
	4,095,134	2,946,078
Pendapatan belum terima daripada instrumen pasaran kewangan islamik	3,070	351
	4,098,204	2,946,429

Pendapatan belum terima telah diterima Wakaf ASNB dalam tempoh tidak melebihi 30 hari daripada tahun kewangan berakhir (2024: Tidak melebihi 30 hari).

WAKAF ASNB

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2025

7. LAIN-LAIN BELUM TERIMA

	2025 RM	2024 RM
Lain-lain belum terima	-	420

Lain-lain belum terima terdiri daripada jumlah yang telah dibayar terdahulu tetapi barangan belum terima daripada pembekal.

Lain-lain belum terima adalah tidak bercagar, bebas caj pendapatan dan perlu dibayar balik atas permintaan.

8. BELUM BAYAR KEPADA PENGURUS

	2025 RM	2024 RM
Yuran pentadbiran tertunggak	287,479	191,495
Yuran perkhidmatan tertunggak	460,058	355,455
	<u>747,537</u>	<u>546,950</u>

Belum bayar kepada Pengurus adalah tidak bercagar, bebas caj pendapatan dan perlu dibayar balik atas permintaan.

9. BELUM BAYAR KEPADA PEMEGANG AMANAH

	2025 RM	2024 RM
